

---

# Keberkesanan Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Sejarah Menerusi Penggunaan Aplikasi *Google Classroom* dan *Kahot* Ekoran Daripada Pendemik COVID 19 Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1, SMK Anderson, Ipoh, Perak

Hashim bin Mat<sup>1</sup>, Anuar bin Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

E-mail: [hashimmat@moe.gov.my](mailto:hashimmat@moe.gov.my)

---

<sup>2</sup>Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

E-mail: [anuarmd@ukm.edu.my](mailto:anuarmd@ukm.edu.my)

---

## Abstrak

*Kajian ini untuk meninjau kemudahan Information and Communication Technology (ICT) pelajar dalam pengajaran dan pemudahcara (PdPc) khasnya pembelajaran Sejarah, melihat kefahaman dan keberkesanan PdPc serta amalan guru menggunakan aplikasi Goolge Classroom dan Kahot ekoran daripada pendemik Covid-19 dalam kalangan pelajar Tingkatan 1, SMK Anderson, Ipoh, Perak. Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 orang pelajar menggunakan Google Form dan data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 20.0. Dapatan kajian menunjukkan dengan kemudahan internet yang baik di kawasan kajian membolehkan responden terlibat aktif dengan pembelajaran dalam talian. Dapatan juga menunjukkan responden berasa seronok dan lebih falam pembelajaran sejarah dalam talian dengan bantuan guru yang dilihat seringkali mengamalkan pembelajaran berasaskan ICT. Implikasi kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai panduan kepada pentadbir dan guru merancang penggunaan ICT yang lebih meluas dalam PdPc khasnya Sejarah. Cadangan kajian seterus ingin melihat keberkesanan PdPc Sejarah dalam skala yang besar merujuk kepada pelajar di dalam daerah Kinta Utara untuk mendapatkan hasil dapatan yang lebih menyeluruh.*

**Kata Kunci:** *Pengajaran dan pemudahcaraan (PDPc), pendemik Covid-19*

---